



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI KHAIRUL FITHRI BIN OSMAN
TIMBALAN PENGARAH KULIM HI-TECH PARK

OLEH:

KHAIRUL NAIMI BIN KHAIRUL FITHRI	2013193069
MUHAMMAD IZNEE BIN ABD RAHMAN	2013140617

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
TUAN HAJI KHAIRUL FITHRI BIN OSMAN
TIMBALAN PENGARAH KULIM HI-TECH PARK

OLEH:

KHAIRUL NAIMI BIN KHAIRUL FITHRI	2013193069
MUHAMMAD IZNEE BIN ABD RAHMAN	2013140617

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2015 – JULAI 2015)

PENGHARGAAN

PENGHARGAAN

Assalamualaikum W.B.T dan selamat sejahtera

Di kesempatan ini, kami ingin memanjangkan syukur ke atasNya atas limpah kudrat kekuatan dari segi fizikal dan mental, akhirnya kami dapat menyiapkan tugas ini iaitu pendokumentasian sejarah lisan. Dengan rendah diri kami juga amat berterima kasih kepada tokoh pilihan kami iaitu Tuan Haji Khairul Fithri Bin Osman kerana banyak membantu kami sepanjang perjalanan proses tugas ini. Beliau bukan sahaja banyak membantu dari segi aspek sesi temubual, tetapi beliau juga banyak memberi tunjuk ajar berkenaan dengan pendokumentasian projek ini. Sekalung penghargaan juga kepada pensyarah kami iaitu Puan NurulAnnisa Binti Abdullah juga banyak memberi panduan tentang sebelum, semasa dan selepas proses tugas ini dan juga mengajar dari segi selok-belok adab dan tatasusila ketika berkomunikasi dengan tokoh. Pensyarah-pensyarah dari fakulti pengurusan maklumat, UiTM Kelantan juga banyak terlibat secara langsung dan tidak langsung berkenaan dengan proses berhubung dengan tokoh dan pembinaan moral secara psikologi ketika berhadapan dengan tokoh.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada para ibu bapa dan rakan-rakan yang memberi sokongan moral kepada kami ketika proses menyiapkan tugas ini. Kami juga mengucapkan terima kasih kepada para staff akademik dan juga bukan akademik UiTM Kelantan kerana memberi maklumat berkaitan tugas ini. Bukan itu sahaja, sebahagian penduduk di kawasan Machang dan juga Kulim, Kedah banyak memberi tunjuk ajar berkenaan panduan mengenai arah pandu untuk berjumpa dengan tokoh dan hal-hal berkaitan dengannya. Hal ini secara tidak langsung dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara kami sebagai pelajar dengan warga setempat. Selain itu, tugas yang diberikan juga dapat memberi pengetahuan tentang hal ehwal semasa berkenaan dengan topik yang kami bincangkan dengan tokoh pilihan.

ISI KANDUNGAN

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Penghargaan.....	i
Isi Kandungan.....	iii
Abstrak.....	v
Biodata Tokoh.....	vii
Pengenalan.....	x
Transkrip	
Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.....	01
Bahagian 2: Kerjaya.....	07
Bahagian 3: Pembangunan Kulim Hi-Tech Park.....	11
Bahagian 4: Pencapaian dan Anugerah.....	47
Bahagian 5: Lain-lain.....	51
Rujukan.....	55
Lampiran	
Log Wawancara.....	57
Diari Kajian.....	59
Senarai soalan.....	61
Surat Perjanjian.....	65
Indeks.....	66

ABSTRAK

ABSTRAK

Abstrak: Temubual ini adalah antara Tuan Haji Khairul Fithri Bin Osman dan pelajar iaitu Khairul Naimi Bin Khairul Fithri dan Muhammad Iznee Bin Abd Rahman. Tempat temubual ini berlangsung di rumah tokoh, Khairul Fithri B. Osman, di Kulim, Kedah. Sesi berlangsung pada tanggal 03 Mei 2015, pukul 11.00 pagi dan berakhir pada pukul 2.00 tengah hari. Kulim Hi-Tech Park ialah sebuah syarikat pengurusan kepada Kulim Hi-Tech itu sendiri, syarikat-syarikat lain seperti Silterra, dan Intel adalah di bawah pengawasan syarikat Kulim Hi-Park. Segala tentang pengurusan kewangan, produktiviti, dan lain-lain mesti dilaporkan kepada Syarikat Kulim Hi-Tech Park. Tujuan temubual ini dilakukan adalah kerana ingin mengetahui tentang syarikat ternama di Kulim, Kedah iaitu Kulim Hi-Tech Park. Temubual ini bertujuan juga ingin mengetahui lebih mendalam tentang Syarikat Kulim Hi-Tech Park, tentang cara bagaimana syarikat itu membangun, bagaimana syarikat itu boleh menjadi syarikat ternama di dalam dan luar Malaysia, bagaimana kepayahan syarikat semasa di ambang krisis kewangan, dan sebagainya. Tidak ketinggalan, kami juga menemubual Tuan haji Khairul Fithri Bin Osman sendiri berkenaan dengan biodata beliau, sejarah pendidikan beliau, pencapaian beliau, bagaimana beliau bekerja di sana, dan sebagainya.

Kata kunci: *Tuan Haji Khairul Fithri, Kulim Hi -Tech Park, Kulim Technology Park Corporation, industri, Taman Teknologi, Teknologi.*

BIODATA TOKOH

BIODATA TOKOH



Nama	Tuan Haji Khairul Fithri Bin Osman
Umur	47 Tahun
Tarikh Lahir	25/10/1966
Status	Kahwin
Anak	5 Anak (Seorang perempuan, empat lelaki)
Pelajaran	<ul style="list-style-type: none">• Diploma dan Ijazah dalam Kejuruteraan Awam di Universiti Malaya• Master dalam Kejuruteraan di Universiti Tokyo
Bidang Yang Diceburi	Pengurusan Dan Kejuruteraan
Moto	“Success Is In The Future”
Suka	Makanan Tradisional
Tidak Suka	Orang Yang Cepat Menyerah Kalah

Sumbangan tokoh

Pada tahun 1985, beliau menjadi kumpulan pelajar pertama Universiti Malaya yang melanjutkan pelajaran ke Universiti Tokyo, Jepun. Pada tahun 2005, Syarikat Kulim Hi – Tech Park menjadi “Top 5 Asia's Top Business, Industrial And Technology Park”. Pada tahun 2009, syarikat ini sekali lagi mendapat “Top 3 Asian Technology Park”. pada rajah di bawah menunjukkan sumbangan terbaru yang diberi oleh Tuan Haji kepada syarikat tersebut.

Kedah to open more technology parks



Kedah Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir says the establishment of more technology parks in Kedah will help raise the state's Gross Domestic Product and create more high-income jobs. — TRP file pic

ALOR STAR, April 8, 2015:

The local government plans to open more technology parks throughout the state following the success of the Kulim Hi-Tech Park (KHTP) in stimulating the state's economy, says Menteri Besar Datuk Seri Mukhriz Mahathir.


He said the establishment of more technology parks would help raise the state's Gross Domestic Product and create more high-income jobs.

"The successful technology parks would contribute to the state's economy in the form of economic growth and tax revenue," he said when replying to a question from Nor Saidi Nanyan (BNKuah) at the state assembly sitting at Wisma Darulaman today.

He hoped the federal government would help the state establish a science technology park in Bukit Kayu Hitam and a medical science technology park in Kulim.

PENGENALAN

PENGENALAN



Kulim Hi-Tech Park (KHTP), dibuka secara rasmi pada tahun 1996, adalah pertama Hi-Tech Park di Malaysia. KHTP terletak di daerah Kulim, di negeri Kedah, di utara barat laut Semenanjung Malaysia. Pada masa ini, pembangunan KHTP meliputi kawasan seluas kira-kira 1,700 hektar (4,000 ekar).

KHTP difahami dan dibangunkan sebagai salah satu strategi nasional Wawasan 2020 untuk Malaysia menjadi sebuah negara perindustrian sepenuhnya menjelang 2020, dijangka dapat menjadi 'Sains Kota Masa Depan', yang KHTP telah terus dibangunkan dan dipromosikan sebagai bersepadu taman sains mensasarkan bersih, modal intesive, dan, industri berkaitan teknologi tinggi nilai tambah terutamanya dalam bidang elektronik canggih, elektronik mekanikal, telekomunikasi, semikonduktor, optoelektronik, bioteknologi, bahan termaju, penyelidikan dan pembangunan dan teknologi baru muncul.

Sejak mula lagi, pembangunan KHTP menggabungkan unsur-unsur atau 6 Zon, iaitu:

- Perindustrian
- R & D dan latihan
- Lipur
- Perumahan
- Bandar
- Institusi

Taman Teknologi Kulim Corporation Sdn Bhd (44351-D), keseluruhan anak-Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah, adalah pemaju dan pengurus KHTP; manakala Kerajaan Persekutuan Malaysia menyokong penuh pembangunan KHTP dengan cara dana pembangunan yang berdedikasi, serta, selain sokongan nasihat dan promosi kritikal.

TRANSKRIP

Rakaman ini berkisah tentang Tuan Haji Khairul Fithri B. Osman, yang dilahirkan pada 1966, di Asun, Jitra, Kedah. Temubual dijalankan di rumah beliau iaitu di Kulim, Kedah, mengenai syarikat yang sedang dia bekerja selama ini iaitu Kulim Technology Park Corporation (KTPC). Temubual ini dibahagikan kepada lima bahagian merangkumi latar belakang Tuan Haji Khairul Fithri B. Osman, kerjaya, pembangunan Kulim Hi-Tech Park dan juga pencapaian dan anugerah Tuan Haji Khairul Fithri B. Osman sepanjang beliau berkhidmat dengan Kulim Technology Park Corporation (KTPC). Berikut adalah hasil rakaman.

Petunjuk:

THKF: Tuan Haji Khairul Fithri
KN: Khairul Naimi

BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

RAKAMAN BAHAGIAN 1

KN : Assalammualaikum, Tuan Haji.

THKF : Waalaikummussalam W.B.T.

KN : Sebagai permulaan untuk perbualan kita, *bole* (boleh) - saya minta Tuan Haji untuk berceritakan sedikit latar belakang Tuan Haji. Seperti latar belakang dan-- dan-- dan-- sejarah pendidikan la--- Mula-mula saya nak tanya-- nama penuh Tuan Haji?

THKF : Nama saya Khairul Fithri Bin Osman.

KN : Di syarikat *ni* (ini), KTPC [Kulim Technology Park Corporation] selalunya pekerja-pekerja panggil apa *kat* (dekat) Tuan Haji? Nama timbangan?

THKF : Ada yang panggil Tuan Haji, ada yang panggil Tuan Haji 'KFO' [Khairul ketawa], Tuan Haji Fithri, bergantung lah.

KN : Bila-- bilakah tarikh lahir Tuan Haji?

THKF : Tarikh lahir saya dua puluh lima [25] haribulan sepuluh [10] tahun 1966.

KN : Tuan Haji berasal dari mana ya?

THKF : Saya berasal dari Kedah, *to be specific* (secara tepatnya) Kampung Bijal, Asun, Kedah.

KN : Sekarang *ni* (ini) Tuan Haji menetap dimana?

THKF : Saya menetap di Kulim.

KN : Tuan Haji mempunyai berapa orang adik-beradik? Adik-- anak yang ke berapa?

THKF : Adik-beradik [Tuan Haji mengeluh] -- adik-beradik saya ada-- sebenarnya, empat adik, *sorang* (seorang) meninggal, jadi ada tiga dan saya anak yang sulung.

KN : **Ya. Adakah Tuan Haji sudah berkahwin?**

THKF : Sudah.

KN : **Apa-- apakah nama penuh isteri Tuan Haji?**

THKF : Nama penuh isteri saya?

KN : *Iyew (Ya).*

THKF : Hajjah NorLaily Binti Mat Sharif.

KN : **Baik, *okay* (baik) -- Terima kasih Tuan Haji, saya-- sekarang saya nak bertanya tentang sejarah pendidikan lah. Tentang latar belakang pendidikan Tuan Haji. Dimanakah Tuan Haji mendapat pendidikan awal? Sekolah rendah?**

THKF : Sekolah rendah?

KN : **Ya?**

THKF : Sekolah rendah saya di Perlis, Sekolah Rendah Seri Indra, Kangar, Perlis. Kemudian, melanjutkan pelajaran ke Sekolah Menengah Sains Perlis dari tingkatan satu hingga tingkatan lima.

KN : **Di dalam-- apakah sumbangan encik semasa [percikan api] Tuan Haji semasa di sekolah-- pada zaman persekolahan?**

THKF : Zaman persekolahan? Sekolah rendah, sekolah menengah?

KN : **Kalau-- Sekolah menengah la.**

THKF : Sekolah menengah-- [Tuan Haji Tarik nafas] Sekolah menengah saya, sebagai pengawas sekolah, sebagai-- seorang sukan juga di sekolah [Tuan Haji Tarik nafas] sebagai-- dari segi aktiviti *kokonya* (kokurikulum), saya mewakili sekolah dan juga negeri dalam sukan, tennis, sukan hoki, sukan bola sepak, dan sumbangan saya kepada-- kepada sekolah ya, membawa pasukan bola sepak bawah tujuh belas [17] menjadi johan keseluruhan negeri Perlis. Membawa nama Perlis dalam bidang tennis, menjadi pemain lima teratas di Malaysia, di bawah kategori-- kategori lima belas [15] tahun.

KN : **Ya. Selepas Tuan Haji habis bersekolah, dimanakah Tuan Haji menyambung pelajaran?**

THKF : Selepas pada sekolah menengah, saya membuat Bahasa Jepun di Ambang Asuhan Jepun di Universiti Malaya [UM] sebelum menyambung pelajaran di Universiti Nigata di Jepun.

KN : **Apakah perlibatan tertinggi Tuan Haji semasa di zaman universiti?**

THKF : Perlibatan tertinggi di universiti, di Universiti Nigata, di universiti saya tidak aktif dalam *koko* (kokurikulum) sebab saya lebih menumpukan

kepada pelajaran, jadi dari segi sumbangan kepada univervisiti *tu* (itu) kosong, tak dak apa.

KN : [Khairul mengganggu] Kosong. Bolehkan Tuan Haji menerangkan sedikit pengalaman Tuan Haji belajar di luar negara?

THKF : Pengalaman-- mencabar, seronok-- Universiti Nigata, masa *tu* (itu) cuma ada dua orang *undergraduate student* (pelajar sarjana muda) daripada Malaysia. Saya dan kawan saya, Muhammad Aznal Zainal Abidin. Senang susah, pahit manis, kami harungi bersama dua-dua.

KN : Pengalaman Tuan Haji semasa belajar di luar negara yang tidak dapat dilupakan?

THKF : Pengalaman luar negara yang tidak dapat dilupakan. Pengalaman apa ya? Saya bertemu isteri saya di Jepun [Khairul dan Tuan Haji ketawa].

KN : Jodoh la *tu* (itu).

THKF : Hah?

KN : Jodoh la *tu* (itu).

THKF : Memang la.

KN : **Okay. Bolehkah Tuan Haji *bagitaw* (memberitahu) nama teman yang sekali pergi ke-- sambung belajar di luar negara?**

THKF : Okay, tadi dah *bagitaw* (memberitahu), Azlan bin Zainal Abidin, sekarang *ni* (ini) dia bekerja dengan salah satu syarikat *kat* (dekat) Jepun, *tak* (tidak) ingat nama dia [syarikat] di Kuala Lumpur.

KN : **Dia kahwin-- beliau kahwin dengan orang disana?**

THKF : Dia kahwin dengan orang Malaysia, di sini [di Malaysia].

KN : **Semasa Tuan Haji belajar, Tuan Haji ada fikir, ada membuat rancangan selepas-- selepas menghabiskan pelajaran untuk bekerja sebagai apa?**

THKF : *Okay* (baik) -- [Tuan Haji Tarik nafas] sistem pembelajaran di Jepun sebenarnya kerja mencari pelajar yang cemerlang di tahun keempat [ke-4], itu kalau kita buat *degree* (ijazah) la. Jadi saya *ni* (ini) bahagian *degree* (ijazah), jadi pada tahun keempat [ke-4], ada dua buah syarikat yang datang menemu duga saya dan saya memilih untuk bekerja dengan sebuah syarikat bernama Taisi Corporation. Sebuah syarikat *construction* (binaan) Jepun, pada masa itu nombor satu di Jepun dan mempunyai cawangan pejabat di serata dunia, termasuklah di Kuala Lumpur.

TAMAT BAHAGIAN 1

BAHAGIAN 2: KERJAYA

RAKAMAN BAHAGIAN 1

KN : **Okay (baiklah) terima kasih Tuan Haji untuk latar belakang pendidikan Tuan Haji sendiri. Okay (baik) sekarang ni (ini), saya nak bertanya berkenaan dengan pekerjaan sebelum Tuan Haji masuk KTPC [Kulim Hi-Tech Corporation] ya. Sebelum ni (ini) Tuan Haji bekerja di mana ya?**

THKF : Saya bekerja dengan Taisi Corporation di Kuala Lumpur selama lebih kurang lima tahun sebelum berhijrah ke Kulim Technology Park Corporation (KTPC) di Kulim Hi-Tech.

KN : **Jawatan di dalam syarikat Taisi?**

THKF : Taisi.

KN : **Taisi?**

THKF : Okay, saya diambil sebagai kordinator pada awalnya, kemudian apabila saya berhenti, saya sebagai *manager* (pengurus) di syarikat Taisi Corporation mengg-- *looking after* (menjaga)-- *looking after* (menjaga) projek di Asia untuk Taisi Corporation, saya berkhidmat di Nepal, saya berkhidmat di Indonesia, di Vietnam, di mana lagi? Di Mardigh, rasanya banyak *tu* (itu) la *kot* (mungkin) [Tuan Haji ketawa sinis].

KN : **Berapa lamakah Tuan Haji bekerja di situ [Taisi Corporation]?**

THKF : Lima tahun.

KN : **Lima tahun-- semasa-- semasa lima tahun di Taisi-- Taisi-- Syarikat Taisi, apa sumbangan yang diberikan dalam membuat syarikat *tu* (itu) menjadi semakin berkembang? [pintu tertutup]**

THKF : Semakin berkembang-- pada tahun-- dua tahun terakhir saya dengan syarikat Taisi Corporation, seperti mana yang dikatakan tadi, saya *look after* (menjaga) projek di negara-negara luar di Asia. [Tuan Haji tarik nafas] kebanyakan-kebanyakan ditugaskan-- ada masalah dari segi komunikasi, ada masalah dari segi kualiti, ada masalah dari segi prosedur mengenai membuat kerja. Jadi apa yang saya buat, saya memperbetulkan keadaan sebelum diaudit oleh Jabatan Audit Taisi Corporation dan Alhamdulillah semua projek yang bermasalah, apabila diaudit lulus dari segi auditnya.

KN : **Bagaimanakah Tuan Haji mendapat peluang bekerja di Kulim Hi-Tech Park?**

THKF : Sebenarnya saya cuma nampak satu iklan kecil saja dalam akhbar The Star [akhbar berbahasa inggeris] mencuba nasib antara pulang bekerja dan berkhidmat di Kedah dan Alhamdulillah apabila ditemu duga, saya dipilih untuk menyumbang tenaga saya disini.

KN : Soalan yang terakhir, apakah peluang yang Tuan Haji nampak dalam bidang ini khususnya dalam negara? Maksud saya sekarang ini Tuan Haji bekerja di KTPC [Kulim Technology Park Corporation], peluang yang Tuan Haji nampak dalam bidang yang sekarang ini lah yang Tuan Haji pegang?

THKF : Yang saya pegang. Peluang. Banyak peluang, tapi saya nak cerita mengenai Kulim Hi-Tech Park sendiri. Peluang pekerjaan, peluang yang kita sediakan kepada rakyat Malaysia di Kulim Hi-Tech park amat banyak. Dari segi teknikal, dari segi *business* (perniagaan) utama, dari segi *business* (perniagaan) sokongan jadi mewujudkan peluang – peluang pada rakyat Malaysia menjadi satu tanggungjawab kami di KTPC [Kulim Technology Park Corporation].

KN : Sebagai seorang anak, pencapaian yang membanggakan kepada ayah dan mak Tuan Haji sendiri?

THKF : Apabila berjaya membawa pulang sebuah *degree* (ijazah) ibu dan bapa merupakan anugerah saya paling tinggi kepada-- dari segi pembelajaran kepada ibu dan bapa saya.

KN : Okay. Sekarang ini, Tuan Haji berasa puas hati dengan pencapaian Tuan Haji ada?

THKF : Dari segi pejawatan ka?

KN : **Dari segi jawatan atau dari segi kehidupan sekarang?**

THKF : Bagi saya Alhamdulillah, dengan rezeki kurniakan oleh Allah S.W.T., rezeki yang dapat saya bersyukur, maksud saya, saya puas hati la.

KN : **Terima kasih Tuan Haji, saya rasa itu saja, lepas nie kita bincang-- saya akan, Tuan haji boleh lah masuk kepada tajuk kita iaitu berkenaan dengan syarikat KTPC [Kulim Technology Park Corporation] sendiri *ni* (ini) ya.**

THKF : Okay, nanti saya buat *presentation* (perbentangan) untuk KTPC [Kulim Technology Park Corporation] dan juga Kulim Hi-Tech Park.

KN : **Ya.**

THKF : Terima kasih.

TAMAT BAHAGIAN 2

BAHAGIAN 3: PEMBANGUNAN KULIM HI-TECH PARK

RAKAMAN BAHAGIAN 2

THKF : Assalamuailamkun W.b.t selamat datang ke Kulim Hi-Tech Park. Saya Khairul Fithri Bin Osman selaku *vice president* (timbangan presiden) operasi di Kulim Hi-Tech Park. *So* (jadi) untuk hari *ni* (ini) *presentation* (perbentangan) saya *mix english* (campuran inggeris) dengan *malay* (melayu) sebab setengah-tengah *tu* (itu) susah nak cakap dalam bahasa melayu. Baik Kulim Hi-Tech Park. Sebelum kita mula, kita tengok video corporate Kulim Hi-Tech Park [video korporat sedang dimainkan]. --- Itu adalah bahagian pertama bahagian video. *This is our corporate video* (ini adalah video korporat Kulim Hi-Tech Park). *Alright, so the next will be presentation on powerpoint* (jadi untuk persembahan atas powerpoint). *Okay* (baik) sedikit sejarah mengenai Kulim Hi-Tech Park. Kulim Hi-Tech Park bermulanya daripada ilham Tun Dr Mahathir. Kita punya perdana menteri, *by the time is* (pada ketika itu) pada tahun 1989 di mana *Malaysia cabinet* (kabinet malaysia) telah bersetuju untuk mengadakan sebuah *Hi-Tech Park* (taman teknologi tinggi) di Malaysia. *Alright* (jadi) kemudian pihak UNIDO [United Nations Industrial Development Organization] dan *jugak* (juga) pihak Jabatan Perancangan Bandar Malaysia telah berkerjasama untuk mencari dan membuat *proposal* (cadangan) kepada pihak kabinet mengenai *Hi-Tech Park* (taman teknologi tinggi). Lokasi yang di bentangkan pada hari pembentangan salah satunya adalah di buat di Kulim. Dan pihak kabinet bersetuju supaya *Hi-Tech Park* diadakan di Kulim dan dengan itulah nama disini Kulim Hi-Tech Park. Kemudian UNIDO [United Nations Industrial Development Organization] dan Jabatan Perancangan Bandar *ni* (ini) dia buat secara mikro. Secara mikro, pihak kerajaan Malaysia telah pun bekerjasama dengan pihak JICA [Japan International Cooperation Agency] berserta dengan Jabatan Perancangan Bandar Malaysia dan jugak beberapa *consultant* (perunding) di Malaysia untuk buat satu kajian secara terperinci.

KN : UNIDO [United Nations Industrial Development Organization] *tu* (itu) dengan JICA [Japan International Cooperation Agency] *tu* (itu) syarikat ka atau persatuan dari seluruh-seluruh dunia?

THKF : UNIDO [United Nations Industrial Development Organization] adalah United Nation punya syarikat.

KN : *Means* (maksudnya) satu dunia la?

THKF Satu dunia.

KN **JICA [Japan International Cooperation Agency]?**

THKF JICA [Japan International Cooperation Agency] adalah *Japan* (Jepun), syarikat Jepun. Japan Industrial I (saya) *tak* (tidak) boleh ingat JICA *stand for what* (membawa kepada maksud apa). Tapi JICA [Japan International Cooperation Agency] adalah satu *consultant* (perunding) daripada Jepun. *Alright* (jadi) bertemakan kepada *scuba science park* (taman sains skuba) di Jepun, JICA [Japan International Cooperation Agency] macam kata tadi bersama dengan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan juga beberapa *consultant* (perunding) di Malaysia telah pun mengadakan satu kajian terperinci mengenai Kulim Hi-Tech Park. *Alright* (jadi) dan pada bulan Februari tahun 1991 dia orang *present the master plan* (bentang pelan utama) untuk Kulim Hi-Tech Park kepada kabinet Malaysia. Dan diluluskan sehingga ke hari ini Kulim Hi-Tech Park berkembang mengikut kepada *master plan* (pelan utama) yang telah di buat pada tahun 1991.

KN : Dalam *master plan* (pelan utama) *tu* (itu) dia orang ada *long term* (jangka masa panjang) punya *plan* (pelan) la? Kira macam contoh dia macam kalau *plan* (pelan) untuk 2015 dengan 2016, adakah dia masuk *kat* (dekat) dalam *master plan* (pelan utama) *tu* (itu) atau ada penambahan dekat *master plan* (pelan utama) *tu* (itu)?

THKF : Okay dalam *master plan* (pelan utama) dia *tak bubuh* (tidak nyatakan) dan tak cakap mengenai- mengenai *time frame* (tempoh masa). Dia bercakap mengenai cara untuk membangunkan Kulim Hi-Tech Park. Secara amnya, secara untuk membangunkan Kulim Hi-Tech Park ini. Dia [pelan utama] bahagikan kepada enam [6] zon. Nanti *satgi* (sebentar lagi) kita akan sampai kepada dia punya-- rumusan *master plan* (pelan utama). *Okay* (baik) selain itu kenapa dipilih Kulim Hi-Tech Park adalah kerana dia [Kulim] berada di tengah-tengah Malaysia, Thailand, Indonesia growth triangle IMT-GT dan *jugak* (juga) dia berada di tengah-tengah kawasan *central region* (kawasan tengah) Malaysia. *Sorry* (maaf) berada di tengah-tengah Malaysia *northern region* (kawasan utara). Terletak dua puluh enam [26] kilometer daripada Butterworth Container Penang Park. Tiga puluh enam [36] kilometer lebih kurang daripada *Penang International Airport* (Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang) dan di *jugak* (juga) *directly link* (secara langsung menghubungkan) kepada PLUS [Projek Lebuhraya Utara Selatan], *north south highway* (lebuhraya utara selatan). Melalui Butterworth Kulim *express highway* (lebuhraya express) yang dibuat khas untuk Kulim Hi-Tech Park. Ini kerajaan buat semua. Okay pada tahun 1992, tadi 1991 yang *master plan* (pelan utama) kan. 1992 *ground breaking* (pecah tanah) Kulim Hi-Tech Park. Pada tahun 1996 kita panggil *to be exact* (secara tepat) 18 *March* (Mac) 1996 kita panggil Tun Mahathir *by the time still* (masih pada ketika itu) Dato Seri Dr Mahathir-- datang untuk buat pembukaan secara *official* (rasmi) Kulim Hi-Tech Park. Kulim Hi-Tech Park ini sebenarnya adalah sebuah projek *fedral* (persekutuan). *Alright* (jadi) dimana untuk melaksanakan

Kulim Hi-Tech Park agen pelaksana bagi *federal government* (kerajaan persekutuan) adalah Kedah *state* (negeri), Kerajaan Negeri Kedah. Agen pelaksana untuk Kedah *state* (negeri) adalah Kedah State Development Corporation ataupun dalam bahasa melayunya Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah [turut dikenali sebagai PKNK]. *Alright* (jadi) agen pelaksana untuk Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah yang bertindak sebagai *developer* (pemaju) dan jugak *manager* (pengurus) adalah Kulim Technology Park Corporation [turut di kenali sebagai KTPC]. Dalam masa yang sama pihak PKNK ataupun Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah menubuhkan *jugak* (juga) satu lagi anak syarikat iaitu Kulim Hi-Tech Park Local Authority. Pihak berkuasa tempatan Kulim Hi-Tech Park ini dibuat khas untuk Kulim Hi-Tech Park. Di mana kawasan Kulim Hi-Tech Park ini dia *tak* (tidak) termasuk dalam Majlis Perbandaran Kulim. Dia di ambil alih pembangunan dan jugak perancangan dan jugak kelulusan oleh _____ Kulim Hi-Tech Park.

KN : Kira kalau kelulusan dalam kawasan Kulim Hi-Tech, KHTP [Kulim Technology Park Corporation] Local Authority (Pihak Berkuasa Tempatan) yang kena luluskan?

THKF : Ya. Ada sebab nanti saya akan-- kita akan sampai sebab dia kena apa. Ini semua dah di fikir 1991. Baik Kulim Hi-Tech Park, *sorry* (maaf) KTPC [Kulim Technology Park Corporation]. KTPC [Kulim Technology Park Corporation] ditubuhkan pada tahun 1976 sebagai *exact* (tepat) lapan [8] januari Sembilan belas tujuh *sorry* (maaf) lapan januari 1979 di bawah nama KSDC Management Services. Tahun 93 [1993] kita tukar nama daripada KSDC Management Services kepada Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd.

KN : **KSDC itu nama penuh dia?**

THKF : Kedah State Development Corporation Management Services. *Authorize capital* (modal dibenarkan) kita adalah sepuluh juta _____ kita seratus peratus [100%] dimiliki oleh KHTP Holdings yang mana seratus peratus [100%] KHTP Holdings ini pulak seratus peratus [100%] dimiliki oleh PKNK [Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah]. *Alright* (jadi), kita bergerak secara sendirian berhad dimana kita ada kita punya ahli lembaga pengarah secara amnya dan automatik sesiapa saja yang memegang jawatan sebagai menteri besar Kedah akan menjadi *chairman* (pengerusi) kepada KTPC [Kulim Technology Park Corporation]. Dalam barisan lembaga pengarah yang baru di bawah pimpinan Dato' Seri Mukhriz sebagai *chairman* (pengerusi), kita ada yang Berhormat Dato' Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail. Beliau adalah Exco Kedah berportfolio industri. Kita juga ada Yang Berhormat Dato' Noorsabrina Mohamad Noor. Beliau adalah *state exco* (exco negeri) berportfolio Hi-Tech industri dan jugak telekomunikasi dan IT [Information Technology]. Kita ada YB [Yang Berhormat] Chua-- ini adalah wakil rakyat Kulim.

KN : **Wakil rakyat Kulim, beliau ini seorang rakyat Kulim maksud saya dia punya jawatan ada kat dalam macam Kulim Datuk Bandar ka atau pun?**

THKF : Dia Ahli Dewan Undangan Negeri [ADUN].

KN : **Ahli Dewan Undangan [ADUN].**

THKF : Ahli Dewan Undangan Negeri [ADUN] untuk Kulim, ahli politik. Kita juga ada Yang Berbahgia Dato' Norharudin Nordin. Dato' Norharudin Nordin atau pun nama pendek dia yang selalu kami panggil Dato Norha

adalah bekas CEO MIDA. MIDA adalah Malaysian Industry Development Authority. *Right* (betul) dan kita ada Yang Berbahgia Dato' Azman Mahmud, the *current* (semasa) MIDA [Malaysian Industry Development Authority] CEO. Sesiapa saja yang ada atau sesiapa saja yang menjadi CEO MIDA [Malaysian Industry Development Authority] automatik akan jadi lembaga pengarah KTPC [Kulim Technology Park Corporation]. *Alright* (baik) kita juga ada Dr. Dato' Dr. Muhammad Yussof Bin Sulaiman CEO MIGHT [Malaysia Industry Government Group for High Technology]. Sesiapa yang *seat as* (berjawatan) MIGHT [Malaysia Industry Government Group for High Technology] CEO [Chief Executive Officer] akan *jugak* (juga) automatik akan jadi lembaga pengarah KTPC [Kulim Technology Park Corporation]. Kita ada Yang Berbahgia Dato' Abdul Rahman Bin Ibrahim KSDC CEO [Chief Executive Officer] atau pun KSDC bahasa orang putih Kedah State Development Corporation bahasa melayunya Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah [PKNK]. Ketua kepada Kemajuan Negeri Kedah ini pun siapa yang duduk dekat situ automatik jadi kita punya *board* (lembaga). Kita ada Yang Berbahgia Dato Zaba Cik Ros-- ini lantikkan daripada *state* (negeri). Dato Zaba adalah mantan kepada pegawai Kementerian Kewangan Malaysia. Dan kita ada Yang Berbahgia Dato' Anwar Mat Safar KTPC [Kulim Technology Park Corporation] presiden sekarang. Ini adalah ahli lembaga pengarah *currently* (semasa) untuk KTPC [Kulim Technology Park Corporation]. Untuk menjalankan syarikat KTPC kita ada *senior management* (pengurusan kanan) untuk KTPC. *Right* (betul) di bawah Dato' Anwar sebagai presiden kita sebenarnya ada empat perjawatan vice president. Tiga di isi- satu kosong. *Alright* (baik) Haji Sahir Bin Zabidi adalah *vice president* (timbang presiden) kepada admin dan jugak kepada *finance* (kewangan). Saya Khairul Fithri Osman *vice president* (timbang presiden) kepada operasi. En. Zulkifli Ahmad *vice president* (timbang presiden) kepada *development* (pembangunan) dan satu yang kosong *vice president industrial development* (timbang presiden pembangunan industri) dan *research* (kajian) dulunya di sandang oleh Yang Berbahgia Dato' Anwar. *So* (jadi) dia [Yang Berbahgia Dato'

Anwar] naik pangkat jadi presiden *so post* (jadi tempat) dia sebagai vice presiden sekarang *ni* (ini) kosong.

KN : **Kalau kita nak kalau macam sekarang *ni* (ini) kan bahagian *vice president industry development and research* (timbangan presiden pembangunan industri dan kajian) *tu* (itu) kosong, macam mana cara perlantikan untuk, untuk *assistant* (timbangan presiden)?**

THKF : *Okay* (baik) kita ada dua cara perlantikan sama ada kita buka sebagai-- kita buka buat iklan untuk orang awam *sapa* (siapa) yang berkelayakkan mohon jawatan itu. Atau pun kita akan tengok dari segi kelayakkan orang dalaman. *Alright* (jadi) siapa yang layak untuk duduk di sini daripada kita punya pekerja sekarang.

KN : **Kalau Tuan Haji, Tuan Haji lebih *prefer* (lebih suka) yang *method* (cara) yang mana?**

THKF : Saya lebih kepada orang dalaman [cara pelantikan untuk jawatan kosong].

KN : **Orang dalaman [cara pelantikan untuk jawatan kosong], Tuan Haji tak *maw* (mahu) cuba macam orang luar ka- macam- macam Tuan Haji cakap tadi macam kita *post* (siar) iklan untuk nak panggil nak tengok *kot* (mungkin) macam orang luar lagi berbakat daripada orang dalam?**

THKF : *Okay*, *vice president* (jawatan timbalan presiden) sebenarnya memerlukan pemahaman yang- yang dalam mengenai operasi sesebuah syarikat. Kita

dah pun cuba pada pemerintahan sebelum BN [Barisan Nasional] masuk *ni* (ini). Kita telah pun cuba mengambil orang luar sebagai *vice president* (timbangan presiden) kepada syarikat kita. Kita hadapi banyak masalah sebab dari pengalaman sebagai *vice president* (timbangan presiden) untuk sya_____ dia terbawak dari syarikat lembaga kepada syarikat kita yang mana kebanyakannya tidak menepati apa yang kita buat. Kita adalah sebuah syarikat sebenarnya untuk *develop* (membangunkan) dari segi teknologi, *develop* (membangunkan) dari segi pembangunan tanah yang mana yang mari dari pada dulunya *tu* (itu) -- dia *tak* (tidak) menepati apa yang kita *nak* (hendak). *Okay* (baik) lagi satu kalau kita *ambik* (ambil) dari dalam [pekerja KTPC untuk mengisi kekosongan jawatan kosong] *this is part of the career path* (ini adalah laluan kerjaya) yang memang kita *persuade* (galakkan) kita punya pekerja-- pekerja dan kakitangan untuk rebut peluang *ni* (ini). Sebab kita *nak* dia orang [pekerja] berkembang. *Okay* (baik) KHTC [Kulim Technology Park Corporation] sahaja untuk jalankan untuk mentadbir urus kawasan Kulim Hi-Tech Park *tak* (tidak) -- memang kita *tak* (tidak) berkeupayaan untuk buat. *Alright* (baik) kita ada banyak kawasan untuk kita *develop* (bangunkan). *That why* (ini sebabnya) kita tubuhkan beberapa anak syarikat untuk bantu kita. Syarikat yang pertama adalah Kulim TTPC Development, KTPC Resort Development Berhad, KRTB yang ditugaskan untuk membangun dan juga menguruskan kawasan *amenity* (kemudahan) di-- di Kulim Hi-Tech Park. Kita ada KTPC Technologies yang ditubuhkan untuk melihat kepada teknologi-teknologi baru dan juga mengimplenmentasikan teknolgi-teknolgi baru dan juga menjadi sebagai kita punya *training* (latihan) am kepada pekerja-pekerja di dalam Kulim Hi-Tech Park. Kita ada KBioCorp. KBioCorp dimana nama dia *related* (berkaitan) lebih Bio teknologi untuk menaikkan industri Bio Tech di dalam Kedah sendiri.

KN : **Yang Tuan Haji cakap KBioCorp ni (ini) menaikkan tenaga, tenaga natural, tenaga semula jadi kan. Betul?**

THKF : *Tak* (tidak) -- *tak* (tidak) -- *tak* (tidak) semestinya tenaga. Bio *ni* (ini) adalah satu teknologi yang berhubung mengenai benda-benda hidup. Benda-benda hidup sekarang *ni* (ini) apa yang kita buat di KBio kita lebih kepada membangunkan industri herba untuk Kedah. Bukan setakat herba kita pun ada lagi lah benda-benda lain yang kita buat tapi di bawah kepimpinan Dato Seri Mukhriz kita di arah melebihkan industri herba untuk Kedah. Ini adalah kita punya *corporate mission* (misi korporat) dan *vision* (visi). *Vision* (visi) kita *to be preferred location for high technology investor in Asia* (untuk menjadi lokasi pilihan untuk pelaburan teknologi tinggi dalam Asia). Di Asia bukan di Asia Tenggara. *Alright* (jadi) dan kita punya *mission* (misi) adalah *to develop and manage* (membangunkan dan menguruskan) Kulim Hi-Tech Park *to be fully integrated High Technology Park* (taman teknologi tinggi bersepadu). *Fully integrated* (bersepadu). *There is* (ia) ada *reason* (sebab) kenapa kita kata *fully integrated then after this you will know* (bersepadu dan lepas ini awak akan tahu). *By promoting Hi-Tech manufacture industries* (dengan menggalakkan industri pembuatan teknologi), R&D [Research and Development], *technologies* (teknologi), *education through provision world class infrastructure amenities* (pendidikan melalui kemudahan infrastruktur peruntukan bertaraf dunia). Baik saya *duk* (duduk) cakap mengenai *integrated* (bersepadu), *integration* (integrasi) saya cakap mengenai tanah yang luas-- saya cakap anak syarikat kenapa ini sebab-sebab dia. Kulim Hi-Tech Park di dalam *master plan* (pelan utama) pada tahun 1991, pembangunan Kulim Hi-Tech Park *ni* (ini) bukan saja untuk kawasan industri. Dia [kawasan] melibatkan enam zon pembangunan dalam erti kata lain satu pembangunan bandar yang baru. *Alright* (baik) dia melibatkan zon industri, zon industri yang berwarna biru *ni* (ini) [sambil menunjukkan peta kawasan Kulim Hi-Tech Park]. Zon *urban* (bandar) yang berwarna merah. Zon R&D [Research and Development] yang berwarna jingga *tu* (itu). Zon institusi yang berwarna ungu *tu* (itu), ungu ungu *pa* (apa) orang panggil kan. Zon *amenities* (kemudahan) yang

berwarna hijau dan juga zon perumahan, *housing* (perumahan) yang berwarna kuning. *Alright* (baik) semua ini dibuat untuk Kulim Hi-Tech Park berjaya. *As you know* (sebagai mana pengetahuan awak) tahun 1991- Kulim *by* (pada) -- Kulim *by the time* (pada waktu itu) adalah satu bandar yang *kecik* (kecil), yang terasing daripada, daripada *even* (walaupun) daripada *Penang* (Pulau Pinang). Begitu *remote* (terasing) -- *kecik* (kecil) -- *ulu* (hulu). *Alright so* (jadi) ---

KN : ***Tak dak (tidak) apa-apa. Tak dak (tidak) apa-apa waktu tu (itu)?***

THKF : *Tak dak* (tidak) apa-apa waktu *tu* (itu). Waktu *tu* (itu) *by the time you* (pada masa itu awak) *tidoq* (tidur) atas jalan, jalanraya Yussof [Yussof merupakan anak Tuan Haji Khairul Fithri] bangkit boleh hidup lagi. Kereta pun *tak* (tidak) beberapa ada. Tahun 1991. *So* (jadi) apa yang di buat sekarang adalah kita rancang untuk bangunkan satu kawasan baru sekali dengan rumah-- sekali dengan pecan-- sekali dengan tempat belajar-- sekali dengan tempat kerja-- sekali dengan tempat main. Semua dalam Kulim Hi-Tech Park. Sebab *tu* (itu) kita ada enam zon pembangunan. *Okay* (baik) kawasan asal yang kita buat *tu* (itu) kawasan asal yang *tak* (tidak) termasuk fasa tiga, kawasan asal *kat* (dekat) sini lebih kurang tiga ribu enam ratus ekar. Kawasan asal dia. Kemudian *as time fly* (mengikut peredaran masa) permintaan untuk tanah industri tanah meningkat kita terpaksa, kita terpaksa tambah zon industri fasa tiga. Kita ada zon industri fasa satu di sini keluasan lebih kurang lima ratus [500] ekar kemudian zon industri fasa dua kita terpaksa buat, buat zon industri fasa dua *ni* (ini) dua tahun lebih awal dari jadual pembangunan yang kita buat oleh KTPC [Kulim Technology Park Corporation] dulu. *Alright* (baik) kemudian apabila fasa satu fasa dua dah penuh permintaan tinggi kita terpaksa ambil lagi lima ratus ekar lebih kurang untuk zon industri fasa tiga. Dan sekarang kita dah pun masuk zon industri empat, seluas lebih kurang empat ratus sepuluh ekar.

KN : **Yang zon, fasa empat digunakan untuk?**

THKF : Untuk kawasan industri Kulim Hi-Tech.

KN : **Maksud saya, dia, dia punya *plan* (pelan) untuk industrial ka atau pun?**

THKF : Untuk industri. Untuk industri. Ya kita akan banyak berkembang untuk *industrial zone* (zon industri). *Alright* (baik) ini adalah *master plan* (pelan utama) yang dibentangkan dan *jugak* (juga) diluluskan. Pembangunan dari segi *zoning* (zon), pembangunan dari segi teknikalnya, jalan nak besar macam mana. Apa elemen yang patut kita ada semua *tu* (itu) semua kita ikut *master plan* (pelan utama). Kita *tak* (tidak) lari [mengikut perancangan yang di gariskan dalam pelan utama]. *Alright* (baik), *alright* (baik) Kulim Hi-Tech Park bukan semua industri boleh masuk dalam Kulim Hi-Tech Park. Apa yang kita *promote* (menggalakkan) cuma ada dua belas [12] industri saja yang kita buat promosi. *Wafer fabrication and related activities* (fabrikasi wafer dan aktiviti berkaitan), itu yang pertama. Yang kedua *semiconductor and related activities* (semikonduktor dan aktiviti berkaitan). Ketiga *green energy* (tenaga hijau). *Solar cell* (sel solar), *fuel cell* (sel bahan api), *polymer battery* (bateri polimer) atau pun *renewable energy* (tenaga kitar semula). *Hat ni* (yang ini) kita benarkan masuk. *Advance electronic* (elektronik maju) industri kita benarkan masuk. *Medical and scientific instrument* (perubatan dan instrumen saintifik), *process control* (kawalan proses) dan *automation equipment* (peralatan automasi). *Optical* (optik) dan *Electro-optical application* (aplikasi elektro-optik). *Optoelectronic* (optoelektronik), *biotechnology* (teknologi bio), *advance material contract R&D services* (kontrak bahan maju penyelidikan dan pembangunan) dan juga *aerospace* (ruang angkasa). Ini saja yang boleh

